

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' HAJI ABDUL RAHMAN BIN  
MOHAMAD [ LIPIS ]**

**TARIKH : 4 APRIL 2018**

**RUJUKAN : 10640**

**SOALAN:**

**Dato' Haji Abdul Rahman Bin Mohamad [ Lipis ] minta MENTERI  
DALAM NEGERI menyatakan inisiatif yang telah diambil dan yang  
masih dalam perancangan Polis Diraja Malaysia (PDRM) ke arah  
menjadikan perkhidmatan kepolisan bertaraf dunia (*World Class  
Policing*) setanding dengan negara negara maju.**

**JAWAPAN:**

Tuan Yang Dipertua,

PDRM telah melaksanakan transformasi untuk memberikan perkhidmatan yang lebih baik kepada rakyat melalui *“Modern policing and Balai Transformation”* yang mana terdapat 3 inisiatif oleh PDRM ke arah menjadikan perkhidmatan kepolisan bertaraf dunia (*World Class Policing*) iaitu:

**a) Inisiatif Pelaksanaan Pelan Strategik PDRM.**

Dokumen Pelan Strategik PDRM (PSPDRM) 2015-2020 telah dilaksanakan pada 8 April 2015 selari dengan hala tuju Nasional dalam Rancangan Malaysia Ke-Sebelas (RMK-11) 2015-2020. Terdapat 6 Teras Strategik dan 5 *“Key Result Area”* (KRA) di bawah Teras Strategik untuk Pengukuhan Organisasi;

**b) Inisiatif Program *Modern Policing*.**

Program transformasi PDRM berteraskan *‘Enforcement Orientation’* ke *‘Service Orientation’* seiring dengan ekspektasi dan permintaan masyarakat pada masa ini dengan memberikan perkhidmatan kepolisan berkonsepkan:

- i) menambah baik tahap perkhidmatan dan jenis perkhidmatan di peringkat balai polis seperti

penempatan pegawai penyiasat, pembayaran saman trafik, menerapkan perasaan empati di kalangan petugas;

ii) menggunakan teknologi-teknologi terkini sebagai '*tools*';

iii) mendayakuaasa '*empowerment*' peringkat balai penaiktarafan pangkat Ketua Polis Balai (KPB); dan

iv) menambah baik proses kerja peringkat balai.

c) **Inisiatif pembangunan infrastruktur PDRM.**

Terdapat 54 projek yang disenaraikan di dalam PSPDRM 2015-2020 yang mana 8 daripadanya telah diluluskan. Manakala baki 46 projek yang belum diluluskan adalah melibatkan pelbagai kategori bangunan termasuk pembinaan balai dan perumahan di seluruh Malaysia.